



## **PROGRAM PELANCARAN BEST@SURAU 2024 PERBADANAN PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 11 MEI 2024** – Kempen “BeST Putrajaya” merupakan inisiatif Perbadanan Putrajaya (PPj) yang memfokuskan kepada aktiviti pencucian siar kaki, *plogging*, gotong-royong serta lain-lain perkhidmatan yang disediakan untuk penduduk Putrajaya oleh PPj.

Kempen ini dilaksanakan dengan kerjasama pemegang taruh seperti SWCorp, Alam Flora Sdn. Bhd dan agensi yang terlibat secara langsung dengan pembersihan awam bersama-sama dengan komuniti Putrajaya. Program ini merupakan salah satu elemen dalam Kempen Kebersihan Putrajaya yang dikenamakan kepada BeST Putrajaya iaitu singkatan daripada ‘Bersih Setiap Tempat’. Bagi penganjuran kali ini, BeST Putrajaya kembali dengan siri penganjuran yang dikenali sebagai Program BeST@Surau.


Sebanyak empat (4) siri program telah dirancang untuk diadakan di surau-surau sekitar Putrajaya pada tahun ini dan dimulakan dengan Surau Al-Muhajirin, Presint 9, Putrajaya pada hari ini. Seiring dengan tema “Bersih Setiap Tempat”, aktiviti pembersihan akan dijalankan di keseluruhan kawasan surau termasuk di dalam dan luar kawasan surau, keceriaan tandas, ruang-ruang aktiviti murid, kawasan-kawasan awam dan juga aktiviti pelupusan sisa pukal.

Program pada hari ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya dengan memfokuskan objektif untuk memberi manfaat dalam membantu membersihkan kawasan sekitar surau dan mengeratkan ukhuwah sesama masyarakat. Aspek kebersihan merupakan antara elemen utama yang sangat

penting untuk menjamin kesihatan komuniti termasuk warga-warga kariah surau seiring dengan imej Putrajaya Bandar Bersih.

Program BeST kali ini membawa elemen dan pengisian yang baharu iaitu “**Projek Pahala**” yang diperkenalkan dengan aktiviti jualan barang kitar semula dari orang ramai. Hasil jualan tersebut akan diinfakkan sepenuhnya kepada surau yang terlibat. Orang ramai dialu-alukan untuk menyumbang hasil jualan kitar semula mereka kepada surau-surau yang terlibat bagi memberi manfaat pada masa akan datang.

Dalam merealisasikan persekitaran Putrajaya yang bersih, indah dan kondusif, program ini bakal menjadi medium pelaksanaan kempen bagi menggalakkan penyertaan orang awam dalam menghadiri setiap program BeST yang akan dianjurkan oleh PPj. Diharapkan pelaksanaan program seperti ini dapat membawa hasil dan manfaat yang diterjemahkan melalui kesedaran dalam diri betapa pentingnya menjaga aspek kebersihan setanding dengan negara-negara maju selain menyahut seruan kempen Putrajaya Bersih Setiap Tempat (BeST).

  
**(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 10 Mei 2024

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564

## **Projek Pahala**

PENGUMPULAN DAN PENJUALAN BARANG KITAR SEMULA DAN HASIL JUALAN AKAN DISUMBANGKAN KEPADA SURAU.

BAHAN KITAR SEMULA	HARGA (RM/kg)
Surat Khabar	0.40
Hitam Putih	0.40
Kotak	0.30
Maialah	0.25
Kertas Campur/ Warna	0.25
Kotak Minuman	0.25
Tin	0.70
Besi	0.70
Plastik	0.50
Minyak Masak Terpakai	3.10

## **Aktiviti Best@Surau**

1. AKTIVITI GOTONG ROYONG
2. AKTIVITI PEMBERSIHAN PANTRI DAN DAPUR SURAU
3. AKTIVITI PEMBERSIHAN TANDAS DAN TEMPAT WUDUK
4. AKTIVITI KAWALAN VEKTOR
5. AKTIVITI TANGKAPAN HAIWAN KACAU GANGGU
6. AKTIVITI KITAR SEMULA DAN PROJEK PAHALA